

13/07/2005

Mahkamah-Wang Haram

KEMENTERIAN TIDAK PERNAH KELUARKAN SURAT JAMINAN, KATA SAKSI

KUALA LUMPUR, 13 Julai (Bernama) - Mahkamah Sesyen di sini, hari ini, diberitahu bahawa Kementerian Kesihatan tidak pernah mengeluarkan surat jaminan kepada syarikat Safire Pharmaceuticals (Malaysia) Sdn Bhd berhubung 10 nota janji yang dijual kepada sebuah syarikat kewangan Jerman pada nilai AS\$12 juta.

Bekas Timbalan Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Sulaiman Mohamad berkata, sepanjang tempoh perkhidmatannya dengan kementerian iaitu dari tahun 1999 hingga Mac 2004, beliau tidak pernah mengeluarkan surat sedemikian bagi pihak kerajaan Malaysia.

Beliau menjelaskan bahawa pengeluaran surat jaminan daripada pihak kementerian kepada mana-mana syarikat adalah membelakangkan etika dan bukan dasar kerajaan.

Dr Sulaiman, 57, ialah saksi keempat pendakwaan pada perbicaraan kes bekas pengarah eksekutif Safire iaitu Dr Hamimah Idruss, 57, yang menghadapi lapan pertuduhan melibatkan diri dalam pengubahan wang haram berjumlah RM41.332 juta.

Dr Hamimah didakwa mengikut Seksyen 4(1) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram 2001 yang membawa hukuman maksimum penjara lima tahun atau denda RM5 juta, jika sabit kesalahan.

Dr Sulaiman juga memberitahu mahkamah bahawa polis telah merakamkan percakapannya semasa menyiasat kes itu dan menunjukkan sekeping dokumen yang dikatakan surat jaminan itu kepadanya.

Beliau berkata, tandatangan yang terdapat dalam surat itu bukan miliknya dan kepala surat yang digunakan adalah atas nama pejabat timbalan menteri, kementerian kesihatan Malaysia, sedangkan beliau menggunakan kepala surat atas nama Timbalan Menteri Kesihatan yang dikhaskan untuknya.

Katanya, beliau juga tidak mengenali Dr Hamimah sebelum kes ini.

Bagaimanapun beliau mengaku menyedari bahawa syarikat Safire mempunyai kontrak membekalkan ubat-ubatan kepada Kementerian Kesihatan di bawah skim untuk Bumiputera yang dikenali sebagai "skim anak angkat".

Sementara itu bekas setiausaha sulit Dr Sulaiman iaitu Zaiedy Nor Abu Nasir pula memberitahu mahkamah bahawa beliau mengenali Dr Hamimah kerana tertuduh ada berjumpanya beberapa kali berhubung masalah kewangan yang dihadapi Syarikat Safire.

Zaiedy berkata Dr Hamimah ada memaklumkan kepadanya bahawa syarikat Safire akan diambil alih oleh Danaharta Berhad dan oleh itu, beliau dan Dr Sulaiman cuba membantu dengan mengatur pertemuan antara tertuduh dan Tun Dr Mahathir Mohamad yang pada masa itu adalah Perdana Menteri dan Menteri Kewangan.

Katanya, beliau dan Dr Sulaiman juga memberikan surat sokongan kepada Dr Hamimah untuk diserahkan kepada Tun Dr Mahathir. Bagaimanapun, Zaiedy berkata, beliau tidak pasti sama ada Dr Hamimah ada berjumpa dengan bekas Perdana Menteri itu.

Zaiedy berkata Dr Hamimah ada meminta beliau menandatangani sepucuk surat berkaitan kontrak membekalkan ubat-ubatan kepada Kementerian Kesihatan untuk disimpan sebagai rujukan.

Beliau berkata Dr Hamimah juga tidak pernah memberitahunya bahawa surat itu akan digunakan untuk mendapatkan pinjaman atau bagi tujuan menjual nota janji.

Katanya, surat yang ditandatanganinya itu dialamatkan "kepada sesiapa yang berkenaan" dan ini menunjukkan bahawa surat itu hanya sebagai rujukan

kerana pada kebiasaannya, bagi tujuan lain, siapa pihak yang berkenaan akan ditulis secara spesifik.

Zaiedy berkata ketika menandatangani surat itu beliau tidak terfikir ada kemungkinan yang Dr Hamimah akan menggunakannya bagi tujuan seperti yang terjadi dalam kes ini.

Beliau juga memberitahu mahkamah bahawa tempoh masa bagi kontrak di bawah "skim anak angkat" boleh melebihi lima tahun iaitu lebih lama daripada kontrak biasa yang hanya sekitar setahun atau dua tahun.

Katanya, skim itu diwujudkan oleh Kementerian Kesihatan bagi membolehkan syarikat Bumiputera terus kekal dalam pasaran selepas pengedaran dan pembekalan ubat-ubatan diswastakan.

Beliau juga mengakui menyedari bahawa Pharmaniaga Logistik iaitu anak syarikat Pharmaniaga Berhad, bertindak sebagai orang tengah dengan membeli ubat-ubatan daripada syarikat-syarikat di bawah "skim anak angkat" sebelum menjualnya kepada Kementerian Kesihatan.

Turut memberi keterangan hari ini ialah Naib Presiden kanan Syarikat Siemens Financial Services Incorporated Amerika Syarikat iaitu Richard James Kershaw dan pesuruhjaya sumpah Sheikh Salim Abood.

Perbicaraan di hadapan Hakim Akhtar Tahir disambung esok.

-- BERNAMA

SBB AM PR